



**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA**  
*(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)*

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

**TARIKH BUKA IKLAN: 13 JUN 2022**

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkeelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :-

**JAWATAN 6 : Pemandu Kenderaan Gred H11**

**Klasifikasi** : Kemahiran (H)

**Kumpulan** : Pelaksana

**Taraf Jawatan** : Tetap/Kontrak (*Contract of Service*)

**Penempatan** : Seluruh Malaysia

**Jadual Gaji** : Gred H11

**Gaji Minimum**  
RM1,218.00

**Gaji Maksimum**  
RM2,939.00

**1. Syarat Lantikan** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (b) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (c) berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

*Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:*

- *Lesen D* : *RM1,264.15*
- *Lesen E/E1/E2* : *RM1,310.30*
- *Lesen F/H* : *RM1,356.45*
- *Lesen G/I* : *RM1,402.60*

2. **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. **Ringkasan Tugas** : Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda (4WD), bas, lori, *dumper*, *roller* dan traktor pertanian.
4. **Keutamaan Kepada Calon** : Mempunyai lesen memandu Kelas H dan berkebolehan memandu, mengendali serta asas menyelenggara kenderaan jentera berat.

#### CARA MEMOHON:

- i) Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan) sepenuhnya dengan melayari <http://ejawatan.mardi.gov.my/>
- a. Mendaftar di Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan)**  
**b. Memohon jawatan yang berkaitan**
- ii) Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan salinan dokumen yang diperlukan berserta dengan gambar formal terkini dan berukuran passport (**Gambar swafoto/selfie tidak dibenarkan**). **Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.**
- iii) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Manakala, calon yang berkelayakan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
- iv) Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**TARIKH TUTUP IKLAN : 3 JULAI 2022**

*Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 7043/7037*